



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 22 MAC 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAT SABU: FOOD SAFETY COMMITTEE STILL OPERATING, NATION, KWONG WAH YIT POH -A11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	2.4 JUTA TELUR TAMPUNG KEPERLUAN PENGGUNA PADA RAMADHAN, AIDILFITRI, NASIONAL, SH -8	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3. 4. 5. 6. 7.	HARGA SAYUR, IKAN DIJANGKA NAIK, NASIONAL, SH -8 EGG SUPPLY NORMALISES, NATION, CHINA PRESS -A10 ENSURE FOOD SECURITY BY REVIVING VEGETABLE FARMING, NATION, SIN CHEW DAILY -12 JAWATANKUASA EKSEKUTIF DASAR SEKURITI MAKANAN MAHU LEBIH BANYAK PIHAK BERI INPUT, ASTRO AWANI -ONLINE BENTANG HALA TUJU BAHARU TARIK BELIA, GRADUAN JADI USAHAWAN TANI, RENCANA, BH -12	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Mat Sabu : Food safety committee still operating		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	22 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A11	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	77 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 863
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,589



→ 莫哈末沙布：粮食安全内阁委员会仍在运作，讨论的课题包括国内的鸡肉及鸡蛋供应。



粮安内阁委会仍运作 末沙布：讨论鸡肉鸡蛋供应

农业及粮食安全部长拿督斯里莫哈末沙布指出，粮食安全内阁委员会仍在运作，讨论的课题包括国内的鸡肉及鸡蛋供应。

他指出，这个以副首相拿督斯里法迪拉为首的委员会，迄今已召开数次会议。

“我们邀请来自大学的专家、非政府组织及个人，针对粮安课题提供新的看法。”

他今日（21日）在国会下议院问答环节，回答国家诚信党瓜雪区国会议员拿督斯里祖基菲里的附加提问时，这么说。

拟2032年饲料进口量减30%

另外，莫哈末沙布说，针对作为饲料的进口玉米，政府放眼通过推行种植玉米倡议，在2032年把进口量减少30%，进而控制国内的鸡肉及鸡蛋价格。

他指出，玉米谷物种植涉及乡村与区域发展部及经济部，以在国内生产畜牧的主要食物，从而控制过高的进口饲料价格。

有鉴于此，他希望州政府能配合，为正在研究中的玉米及大豆种植提供土地，以便可在国内种植这些农作物。#

Harga sayur, ikan dijangka naik

Keperluan barang basah dijangka alami kenaikan antara RM3 hingga RM5 ketika Ramadan

Oleh HAZELN LIANA
KAMARUDIN
BACHOK

Harga barangan basah dijangka mengalami kenaikan antara RM3 hingga RM5 menjelang Ramadan ini.

Tinjauan *Sinar Harian* di Pasar Besar Jelawat di sini mendapati, rata-rata peniaga mengakui berdepan dengan situasi itu berikutan permintaan tinggi, selain faktor cuaca yang tidak menentu.

Peniaga sayur, Raja Zatil Hidayah Raja Abdullah, 31, berkata, harga sayuran sukar diramal kerana mereka hanyalah 'orang ketiga'.

"Harga turun naik setiap hari



Raja Zatil Hidayah menyusun pelbagai jenis sayuran di gerai jualan di Pasar Besar Jelawat, Bachok.



Zulkifli (kiri) bersama pekerjaannya menunjukkan bekalan ikan yang dijual.

dan menurut peniaga lain, pemborong telah memberi makluman awal tentang kenaikan harga pada Ramadan nanti.

"Macam hari ini (Selasa) harga timun naik lagi RM2 sekilogram menjadi RM5 berbanding sebelumnya hanya RM3 dan dijangka Ramadan nanti ia akan mencecah hingga RM8.

"Cili merah juga mengalami kenaikan sebanyak RM4 menjadi

RM14 sekilogram dan limau nipis meningkat kepada RM3 iaitu sekitar RM9," katanya.

Pemborong ikan, Datuk Zulkifli Mohd Yakob pula berkata, harga ikan mengalami kenaikan RM1 hingga RM2 sekilogram berikutan nelayan tempatan kurang turun ke laut pada bulan puasa.

"Kita bergantung kepada ikan import sekarang dan harga yang ditawarkan ialah selang RM10,

tongkol RM10, manakala selar sekitar RM15 hingga RM16.

"Ia bergantung kepada stok yang ada, jika bekalan sukar diperolehi, kita terpaksa naikkan harga tetapi mengikut kadar ditetapkan," katanya.

Sementara itu, menurut peniaga ayam, Adam Azman, 26, harga ayam masih kekal dengan RM9.40 sekilogram.

Namun, katanya, ketika ini

peniaga berdepan dengan masalah saiz ayam yang melebihi berat dua kilogram dan ke atas untuk seekor.

"Situasi ini membuatkan orang ramai berfikir panjang sebelum beli ayam sebab saiznya yang agak besar.

"Namun sebagai peniaga, kami cuba pelbagai cara bagi memastikan semua ayam laris terjual," katanya.

2.4 juta telur tampung keperluan pengguna pada Ramadan, Aidilfitri

MELAKA - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Melaka akan mengeluarkan sebanyak 2.4 juta telur ayam bagi menampung keperluan bekalan mentah tersebut di seluruh Semenanjung sepanjang Ramadan dan Aidilfitri ini.

Pengarahnya, Hairudin Yunos berkata, bagi memastikan pelaksanaan itu berjalan lancar, pasukan khas dikenali Egg Action Team@Melaka (EAT@MELAKA) bersiap sedia untuk mengagihkan bekalan telur ke 14 Pusat Operasi FAMA di seluruh Semenanjung yang dijangka meningkat lima hingga 10 peratus.

Malah, beliau berkata, pihaknya juga tidak meminggirkan peniaga makanan di bazar Ramadan dan usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) yang mengalami masalah kekurangan bekalan telur.

"Menerusi program intervensi di antara golongan itu, mereka tidak perlu bimbang berdepan kesukaran untuk mendapatkan bekalan mentah tersebut yang akan terus stabil sehingga selepas musim pe-

rayaan Aidilfitri.

"Menjelang Ramadan, jangkakan kita permintaan bekalan telur meningkat antara lima hingga 10 peratus.

"Kalau dahulu ada peniaga martabak yang risau bekalan telur tak cukup, kali ini tidak akan timbul masalah bekalan dan harga telur," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perasmian Program Jualan Pra-Ramadan Melaka Madani 2023 yang disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri, Tun Mohd Ali Mohd Rustam di Bukit Katil pada Selasa.

Dalam pada itu, Hairudin berkata, Melaka menyumbang lapan juta daripada keseluruhan 18 juta telur ayam yang diagihkan kepada peruncit dan Pusat Operasi FAMA di Semenanjung sejak program intervensi telur bermula Disember tahun lalu.

"Dalam tempoh itu hingga kini, FAMA Melaka telah agihkan lapan juta telur ke seluruh Semenanjung termasuk menampung keperluan kira-kira 30 usahawan IKS seluruh negeri," katanya.

Headline	Egg supply normalises		
MediaTitle	China Press		
Date	22 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A10	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	331 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,529
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,587



雞蛋供應恢復正常

李潤耀：足以應付佳節需求



(吉隆坡21日訊) 大馬禽畜業聯合總會署理總會長李潤耀說，由於去年年底政府向雞農提供較高的雞蛋補貼，讓業者

得以維持營運，加上目前市場需求較農曆新年前低，如今國內雞蛋供應已恢復正常。

他認為，以現在的雞蛋供應來看，我國在齋戒月和開齋節將不會面對雞蛋短缺的問題。

唯他指出，以目前的雞蛋供應而言，並不足以將雞蛋出口到其他国家，但他相信，今年年底國內雞蛋供應應該足夠出口到其他国家。

他說，政府在去年2至9月，為每個雞蛋提供3仙補貼時，實際上業者並無法獲得利潤，但政府在10月增至8仙，以及11至12月增至10仙時，讓業者獲得利潤，得以維持營運。

李潤耀也是該聯合總會的蛋雞組主任。他今日接受《中國報》訪問時指出，去年年底業者在獲利後，就增加購買小

雞和延遲淘汰老母雞，加上市場需求較農曆新年已減少20%，才讓國內的雞蛋供應變得比較穩定。

他也促請政府，儘快公布政府此前宣布撥款12億8000令吉作為雞蛋和雞肉補貼的相關詳情，並加速發放相關補貼給業者。



■李潤耀

促政府發放補貼

農業及食品安全部此前發文指出，政府將繼續為雞蛋和肉雞提供約12億8000令吉成本的補貼，直至今年6月。

李潤耀說，今年業者還沒取得雞蛋補貼，對於業者維持營運而言較為辛苦。

他希望，政府能在未來數周作出詳細宣布，即雞蛋和肉雞分別獲得多少補貼，並儘快解決發放補貼的問題，避免影響業者的營運，導致國內再掀起一波“雞蛋荒”。



■國內雞蛋供應已恢復正常，足以應付佳節需求。

Headline	Ensure food security by reviving vegetable farming		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	22 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	12	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	380 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 11,515
Frequency	Daily	PR Value	RM 34,545



學者觀點

默里漢特
Murray Hunter



重振蔬菜種植業： 確保糧食安全

大马正面临一场蔬菜危机。价格迅速上涨，供应短缺，杀虫剂泛滥，蔬菜到达市场时往往已经发黄。迫切需要一个解决方案。

几十年来，政府并不是没有意识到这一点。在2008年，我们面临着所谓的“全球粮食短缺”。大马对此几乎没有采取任何措施。

现在，大马正面临着蔬菜的严重短缺，导致价格迅速飙升约15%至50%。

农业及食品安全部长末沙布之前曾说：“政府通过各个部门、机构、组织和公众，携手实现他们的责任（维护粮食安全）。在每个政府和私人实体的规划中，需要采取互相合作与配合的坚实战略规划”。

部长主张的直接解决方案是建立一个系统，提供有关国家粮食短缺的实时信息，监测蔬菜种植的类型，以及它们的产量和位置。“通过这个系统，政府可以估计并在出现紧急情况时提前做好准备”。

大马是世界上对粮食和农产品领域管制最严格的国家之一。在现代经济史上，中央计划和监管从来没有导致健康及平衡的市场。

如果要建立一个繁荣的蔬菜种植业，就必须放松管制，让市场这只“看不见的手”决定蔬菜生产水

平、数量和价格。此外，必须促进对土地的控制，让希望开展蔬菜种植业的新进企业家得到帮助。太多的潜在农民无法获得土地。

长期以来，政府当局以牺牲个体户为代价，促进和协助大公司进入该行业。

农业被视为一种生产导向的活动，而不是一种商业活动。在这里，政府不仅要促进物流供应链，还要促进价值链。

必须教会小农户如何把摊位当作生意来经营，规划生产，使现金流在一年中保持平衡。他们可以从其他种植者那里购买其他产品来补充自己的产品系列。这些摊位不需要是实体的。它们可以是网店，通过快递将订单发送给客户。泰国南部的许多园主现在通过网店提高销售额，这种方法可行的。

另一个问题是农民的年龄。每年，大马小农户的平均年龄都会增加一岁。小农户是一个老龄化人口。对年轻人来说，没有什么激励措施可以让他们把农业视为一种职业和事业。

蔬菜种植业不仅仅是播种和浇水。蔬菜种植业有许多技术方面的问题。它既是一门艺术，也是一门科学。农业院校需要吸引年轻人，把他们变成合格的农民和伟大的企业家。他们需要全部技能，使他

们能够以有效和有利可图的方式耕种、营销和销售他们的产品。在他们毕业后，他们需要导师来培训他们创业。

需要在全国范围内扩大农业学院的规模。参观现有的那些学校，可以看到他们做得很棒。

蔬菜种植业要求在全国范围内分散种植，在混合耕作而不是单一种植的形式下，种植最适合物理条件的农作物。如果在社区内进行，有机耕作可以提供比传统耕作更便宜的成本。肥料可以通过分工合作模式生产，参与者之间共享肥料。这同时也创造了一些规模经济和社区感。

小型蔬菜种植社区可以得到农民合作社的支持，在许多国家都有

这种做法。小农户可以借钱种植，并在收获和销售时还款。

蔬菜种植业也必须在城市地区发展。一些地方政府的蔬菜种植计划可以扩大到全马城市。家庭可以申请小块土地，并与其他人一起耕种。这将有助于发展一种社区意识，有时间的退休人员可以在这里经营和照顾。

工业4.0可以在大型城市垂直农场中发挥作用，用于高密度人口地区的商业生产。这些应该由农业科技企业家拥有和经营的营利公司营运。

这是一个改善大马蔬菜粮食安全的粗略和“即兴”的计划。大马需要的是行动，而不是更多的策略规划，而且还要快。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2023	ASTRO AWANI	ONLINE	

Jawatankuasa Eksekutif Dasar Sekuriti Makanan mahu lebih banyak pihak beri input



Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof ketika mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara di Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA). - Foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara mencadangkan supaya lebih banyak pihak dilibatkan dalam memberikan input berkaitan sekuriti makanan dalam negara, kata Timbalan Perdana

Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama jawatankuasa itu di Menara Lembaga Pertubuhan Peladang di sini, beliau berkata ini termasuk kerjasama antara agensi kerajaan, ahli akademik, penyelidik dan pemain industri.

"Satu lagi fokus yang dipersetujui ialah soal makanan haiwan serta bijirin yang menjadi semakin payah serta mahal ekoran konflik Rusia-Ukraine dan untuk ditanam dalam negara, bagaimana ia dapat dilaksanakan.

"Contohnya dalam industri penanaman jagung, siapa boleh terlibat dalam menghasilkan bijirin itu," katanya sambil menambah hasil mesyuarat akan dibawa kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim selepas Aidilfitri.

Kenyataan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan yang dikeluarkan susulan mesyuarat itu memaklumkan skop serta tugas utama jawatankuasa berkenaan adalah bagi mencadangkan hala tuju sekuriti makanan, mengemukakan cadangan, mengenal pasti isu dan cabaran dasar, strategi serta pelan tindakan kerajaan untuk menangani isu sekuriti makanan negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2023	BERITA HARIAN	RENCANA	12

Bentang hala tuju baharu tarik belia, graduan jadi usahawan tani

• Apa yang menghairankan ada pelajar jurusan pertanian tidak berkeyakinan untuk menceburi sektor pertanian

• Kajian mendapati graduan pertanian tidak memiliki keyakinan tinggi untuk berkecimpung sebagai usahawan tani



Oleh Dzuhailmi Dahalan
bhrencana@bh.com.my

Pegawai Penyelidik Sosial, Laboratori Kesejahteraan Belia dan Komuniti, Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) Universiti Putra Malaysia

Isu sekuriti makanan terkait dengan output pengeluaran dan kualiti penuaian dihasilkan sektor pertanian negara. Jika jumlah permintaan melebihi penawaran domestik, kerajaan tidak dapat mengelak daripada mengimport bekalan dari negara luar.

Semua orang sedar mengimport bekalan dari luar negara bukan strategi menguntungkan negara. Pada masa sukar, mungkin mengimport sesuai, tetapi jangka masa panjang, kebergantungan kepada hasil negara luar memberi padak kepada prospek ekonomi negara, malah tidak menyelesaikan isu sekuriti makanan negara.

Analogi mudah mengenai sekuriti makanan adalah kita menganggap beras itu penting, maka sepatutnya usaha menanam padi itu jauh lebih penting.

Walaupun kita mempunyai stok beras yang banyak di gudang, pasar raya atau kedai, namun jika usaha di bidang ditinggalkan, maka stok dimiliki pasti habis.

Sebelum stok beras kehabisan, pelbagai masalah timbul seperti harga sukar dikawal berlaku pembelian panik, manakala aktiviti penyeludupan berleluasa.

Kerajaan menyedari hakikat ini sejak sekian lama, justeru pelbagai dasar dibangunkan bagi merangka pelan tindakan sewajarnya. Negara mempunyai Dasar Agromakanan Negara (DAN), satu dasar sekuriti makanan negara sangat baik.

Pernyataan Teras 2 dalam DAN 2.0 secara jelas menyatakan kepentingan memperkukuh pasaran domestik, meningkatkan hasil keluaran yang mempunyai permintaan tinggi dan produk berorientasikan eksport.

Namun, apa yang perlu diberi perhatian adalah Teras 3 digariskan dalam DAN 2.0, iaitu membangun bakat yang memenuhi permintaan industri.

Isu dan cabaran besar berkaitan Teras 3 ialah wujud jurang sumber modal insan sektor pertanian berbanding kehendak industri. Ini dikata-

kan berpunca daripada daya tarikan rendah dalam sektor pertanian.

Statistik pada 2016 menunjukkan hanya 4.2 peratus pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) mempertimbangkan kerjaya dalam sektor pertanian. Pada waktu ini, sudah pasti peratusnya juga amat rendah.

Isu belunggu negara

Isu penyertaan golongan muda lepasan IPT dalam sektor pertanian khususnya sebagai usahawan tani dilihat amat membelunggu negara. Lebih menghairankan, pelajar jurusan pertanian turut tidak berkeyakinan untuk menceburi sektor pertanian.

Kajian mendapati walaupun mereka mempunyai sikap positif terhadap kerjaya dalam sektor pertanian, namun ia tidak membawa keyakinan tinggi dalam kalangan mereka untuk berkecimpung sebagai usahawan tani.

Apa yang berlaku, tawaran program pengajian pertanian di IPT masih mendapat sambutan dalam kalangan belia negara, mereka sendiri enggan menceburi bidang itu.

Pembabitan rendah mereka dalam sektor pertanian terus membelunggu negara. Adakah kurikulum pengajian mereka ikuti tidak memadai untuk meningkatkan keyakinan mereka terhadap kerjaya dalam sektor pertanian?

Realitinya, kita semua dapat melihat perkara ini berlaku. Inilah sebabnya baru-baru ini kerajaan memberi kelonggaran membawa banyak

masuk pekerja asing untuk ditempatkan dalam sektor ini kerana terdapat permintaan signifikan.

Namun, sekali lagi penempatan warga asing dalam sektor ini tidak boleh dilihat sebagai strategi jangka masa panjang kerana ia tidak menguntungkan jika dilihat dari perspektif pengaliran wang tunai ke luar negara.

Oleh sebab itu pengambilan warga asing untuk memenuhi permintaan industri pertanian langsung tidak diperincikan dalam mana-mana strategi dalam buku DAN 2.0.

Teras 3 DAN 2.0 memperincikan empat strategi utama iaitu:

- Menjenama semula sektor agromakanan dengan pertanian moden dan pintar untuk menggalakkan bakat muda dalam sektor agromakanan.
- Mewujudkan sumber tenaga kerja industri yang optimum melalui perintegrasian siswazah ke dalam persekitaran pekerjaan sebenar menerusi tambahan latihan amali dan perantisan.
- Meningkatkan pendedahan generasi muda kepada aktiviti pertanian melalui pendidikan bersasar dan kaedah lain seperti pertandingan inovasi.
- Membangunkan model pengurusan untuk menambah baik produktiviti buruh.

Belia kena ubah persepsi

Dalam tempoh DAN 2011 - 2020, jumlah guna tenaga sektor agromakanan menyumbang sebanyak 3.21 peratus kepada jumlah tenaga di Malaysia dan 29.5 peratus kepada jumlah guna tenaga pertanian, menyusut pada kadar purata 1.0 peratus setahun.

Penyusutan ini sebahagian besarnya disumbangkan penyertaan berkurang dalam kalangan pesawah, penternak akuakultur dan nelayan, kecuali subsektor ternakan mencatatkan pertumbuhan positif.

Statistik menunjukkan 44 peratus penduduk Malaysia terdiri daripada golongan belia, namun hanya 15 peratus sahaja terabit sektor pertanian.

Justeru, dalam keadaan negara masih bergantung kepada import makanan, golongan belia negara harus mempunyai kesedaran tinggi dan bersedia untuk memikul tanggungjawab ini bersama.

Mereka perlu mengubah persepsi dengan tidak lagi menganggap pertanian sebagai sektor buruh menjana pulangan rendah. Pada masa sama, kerajaan perlu bersedia memperluaskan skim bantuan sesuai mengikut keperluan.

Pegawai pengembangan pertanian di setiap daerah perlu memiliki pangkalan data tanah terbiar yang langsung tidak diusahakan. Mereka perlu turun padang, bertemu dengan pemilik tanah. Menghimpunkan mereka serta menggalakkan mereka mengusahakan tanah terbiar.

Kerajaan menerusi agensi berkaitan juga harus memiliki data graduan dalam bidang pertanian masih menganggur. Golongan ini perlu didekati dengan cara berkesan.

Mereka perlu dibentangkan dan diyakinkan dengan 'road map' kerjaya sebagai usahawan tani, termasuk inisiatif disediakan kerajaan. Kelembagaan birokrasi dalam peraturan juga seharusnya dinilai semula supaya ia tidak dilihat sebagai menghalang penyertaan usahawan tani baharu.

Dalam keadaan negara masih bergantung kepada import makanan, golongan belia negara harus mempunyai kesedaran tinggi dan bersedia untuk memikul tanggungjawab ini bersama

